



Program Peralihan Pembantu Makmal (PPPM)

## **WFST1113 ASAS KERJA LAPANGAN**

### **ETIKA & PANDUAN KERJA LAPANGAN**



Program Peralihan Pembantu Makmal (PPPM)  
**ASAS KERJA LAPANGAN**

#### **DEFINISI KERJA LAPANGAN**

Kerja lapangan adalah proses mengumpul data mentah secara saintifik dan dilakukan secara “insitu”. Berbanding dengan kajian makmal yang mana proses pengumpulan data dilakukan secara terkawal dalam makmal.

Kerja lapangan melibatkan hubungan secara langsung (face-to-face) dengan bahan/objek yang dikaji dalam keadaan semulajadi.

Temubual, pemerhatian terhadap manusia, bahasa, budaya rakyat dan struktur sosial juga termasuk dalam katogari kerja lapangan.

### ETIKA KERJA LAPANGAN

Dalam mencari data mentah untuk penyelidikan, beberapa etika sangat-sangat perlu untuk dipatuhi;

- 1 Tiada pembohongan data saintifik (plagiat / penipuan).
- 2 Hak cipta “Intellectual property rights” sentiasa dipatuhi.
- 3 Perlu hormati individu, komuniti dan budaya masyarakat setempat – dapatka kebenaran, permit dan patuhi segala syarat yang ditetapkan untuk persampelan.
- 4 Jika kajian melibatkan manusia (sosial, budaya, bahasa dll), individu atau komuniti tersebut perlu diberitahu untuk apa dan bagaimana maklumat yang diperolehi akan guna / disebar.

### ETIKA KERJA LAPANGAN

- 5 Pemberi maklumat dan nama-nama yang ada dalam cerita mesti di lindungi jika mereta tak mahu dikenali. Tiada paksaan dalam memperolehi data.
- 6 Mengumpul sampel genetik yang melibatkan manusia dan penggunaan kanak-kanak dalam kajian perlukan kebenaran khas.
- 7 Tiada atau minimumkan kerosakan atau gangguan terhadap alam sekitar. Jaga kebersihan.

## PANDUAN KERJA LAPANGAN UNTUK UNIVERSITI

### Fieldwork Guidelines

#### UNIVERSITI of TECHNOLOGY, SYDNEY

- [1. Introduction](#)
- [2. Relevant legislation](#)
- [3. Responsibilities in fieldwork](#)
- [4. Insurance](#)
- [5. Accident/incident reporting](#)
- [6. Size and composition of a fieldwork party](#)
- [7. Fieldwork activities](#)
- [8. Permits](#)
- [9. First aid](#)
- [10. Communication](#)
- [11. Equipment](#)
- [12. Breaches of these Guidelines](#)
- [13. Definitions](#)
- [14. Related Policies/Guidelines](#)
- [15. Related information](#)

Definasi  
Pertanggung jawaban  
Insuran  
Laporan kemalangan  
Saiz dan komposisi peserta  
Aktiviti kerja lapangan  
Permit  
"First Aid"  
Komunikasi  
Peralatan  
Langgar peraturan

## DEFINASI

Kerja lapangan adalah mana-mana kerja, kajian atau penyelidikan yang diiktiraf oleh Universiti dan dijalankan oleh kakitangan atau pelajar di suatu tempat (biasanya di luar bangunan) selain daripada kampus Universiti.

Ia tidak termasuk aktiviti seperti membeli-belah, pengajian jarak jauh, program pertukaran pelajar, persidangan, lawatan ke univeristi atau tempat lain, atau kelas latihan melibatkan lawatan ke taman-taman semasa waktu tutorial.

Biasanya melibatkan kawasan jauh terpencil dan bermalam atau untuk jangka waktu yang agak lama.

## **PERTANGGUNG JAWABAN (*Responsibilities*)**

### **Tanggung jawab Dekan, Pengerusi atau Ketua Program:**

Dekan, Pengerusi atau Ketua Program akan melantik seorang kakitangan yang berpengalaman dan difikirkan layak untuk mengetuai kerja lapangan berkumpulan. Ketua kumpulan bertanggung jawab kepada Dekan, Pengerusi atau Ketua Program.

## **PERTANGGUNG JAWABAN (*Responsibilities*)**

### **Tanggung jawab Ketua kerjapangan:**

- melantik timbalan atau membahagi tugas kepada beberapa ahli.
- perjelas tanggung jawab kumpulan dan setiap individu, memberi penerangan dan taklimat keselamatan, pastikan setiap peserta telah tahu dan mahir dengan langkah keselamatan
- rancang dan beritahu aturcara / program kerja lapangan
- pastikan semua peralatan dalam keadaan baik & selamat diguna
- mempunyai senarai & alamat pelajar / staff (serta nombor talipon ibubapa)
- melaporkan apa-apa masalah dan perkembangan kerja lapangan kepada mereka.

## **PERTANGGUNG JAWABAN (*Responsibilities*)**

### **Tanggung jawab kakitangan:**

- menjalankan tugas atau arahan Ketua atau mereka yang dilantik oleh Ketua untuk sesuatu tugas.
- memastikan pelajar berada dalam kawalan dan pastikan kerjalapangan berjalan dengan lancar dan selamat.

### **Tanggung jawab pelajar:**

- Ikut semua arahan ketua dan juga kakitangan.
- Sentiasa berada dalam kumpulan kecuali dengan kebenaran ketua.
- patuhi segala peraturan.

## **INSURAN**

Semua pelajar Universiti dilindungi insuran semasa aktiviti pembelajaran di Universiti. Tetapi boleh diuruskan pengambilan insuran berkelompok untuk sesuatu aktiviti kerjalapangan.

## LAPORAN KEMALANGAN

Apabila berlaku sesuatu kemalangan / kecemasan, tindakan segera yang sesuai perlu diambil seperti;

- beri pertolongan kecemasan (guna first-aid yang dibawa)
- bawa ke hospital jika perlu
- lapor kepada pihak berwajib (polis dll)
- lapor kepada Universiti (Dekan, Pengerusi atau Ketua Program).
- lapor kepada ibubapa pelajar / staff.
- jangan lapor kepada pihak media atau yang tak berkenaan.

## SAIZ & KOMPOSISI KUMPULAN

Untuk kerjalapangan melibatkan ramai pelajar, nisbah staff dengan pelajar perlu diambil kira untuk memudahkan urusan, terutamanya logistik dan kawalan keselamatan.

Tidak ada nisbah yang ditetapkan, tetapi 1 staff untuk 15 pelajar agak sesuai.

## AKTIVITI KERJALAPANGAN

### Diving / Menyelam

- Mesti dilakukan dibawah pengawasan penyelam yang berpengalaman dan mempunyai kelayakan (lesen menyelam).
- Tiada aktiviti menyelam jika tiada instruktur / buddy diver.
- Semua peserta mesti sudah dilatih untuk menyelam.

## AKTIVITI KERJALAPANGAN

### Boating

- Semua aktiviti dan boat yang diguna / disewa mesti memenuhi peraturan Jabatan Laut.
- Boat sendiri yang tidak perlukan lesen mesti dikendalikan oleh mereka yang terlatih.
- Pelajar tidak dibenarkan mengendalikan boat (kecuali semasa kecemasan).
- Segala langkah keselamatan dipatuhi (pakai jaket keselamatan dll).

## AKTIVITI KERJALAPANGAN

### Driving

- Kenderaan Universiti cuba boleh dikendalikan oleh mereka yang berkenaan sahaja.
- Pemandu mesti mempunyai lesen memandu dan kenderaan dipastikan selamat dan memenuhi peraturan jalan raya.
- Memandu dalam keadaan selamat, sihat, tidak mengantuk atau mabuk.

## PERMIT

Jika melakukan aktiviti kerjalapangan yang memerlukan permit, contohnya memburu & menangkap haiwan yang dilindungi, permit perlu dipohon sebelum ke lapangan.

Memasuki kawasan Taman Negara atau kawasan persendirian juga perlukan permit atau kebenaran masuk terlebih dahulu, dan dipohon sebelum ke lapangan oleh Ketua Kerjalapangan.



## FIRST AIDS

Peralatan kecemasan “First Aids” perlu disediakan secukupnya.

Jika aktiviti kerjalapangan memerlukan beberapa kumpulan kecil, setiap kumpulan mesti mempunyai First Aidsnya sendiri.

Mesti ada mereka yang tahu menggunakan First Aids dengan betul.

Lantik staff yang uruskan uruskan First Aids.

## KOMUNIKASI

Protokol komunikasi mesti ditetapkan dan dipersetujui sebelum ke lapangan, terutama melibatkan kawasan terpencil.

Beritahu pejabat / rakan waktu pergerakan masuk & keluar, dan waktu untuk berhubung.

Alat perhubungan radio (jika ada), dalam keadaan baik dan tahu menggunakannya.

## PERALATAN KERJALAPANGAN

Peralatan mesti dipilih dan dibawa sesuai dengan tujuan kerjalapangan dilakukan.

Semua alat sudah dijalankan ujian dan memenuhi segala piawai yang sepatutnya.

Ada staff yang mahir dan boleh mengendali peralatan dengan selamat serta tahu membuat penyelenggaraan dan baiki kerosakan kecil.

Peralatan mempunyai keupayaan berfungsi sepanjang tempoh kerjalapangan. Jika perlu bawa bateri dll.

## PERLANGGARAN PERATURAN

Setiap peserta kerjalapangan bertanggung jawab terhadap kesihatan, keselamatan dan kebajikan kumpulan dan nama baik Universiti.

Semua peraturan Universiti masih terpakai semasa kerja lapangan (mengikut keperluan).

Semua undang-undang negara mesti dipatuhi.

Bila berlaku pelanggaran undang-undang, individu terbabitlah yang tanggung sendiri (bayar saman dll).

**SEKIAN**